

Nisfu Sya`ban & Persiapan Untuk Ramadan

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Pengenalan

- Nisfu Sya'ban satu malam yang istimewa
 - terkandung fadilat, "Allah melihat kepada hamba-hamba-Nya pada malam Nisfu Sya'ban, maka Dia ampuni semua hamba-hambaNya kecuali musyrik (orang yang syirik) dan yang bermusuhan (orang benci membenci)." (Riwayat Ibn Hibban, Al-Bazzar dan lain-lain)
 - ada anjuran untuk memakmurkannya dengan beribadah di sisi ulama kerana kelebihan malam itu
 - ulama khilaf tentang mengkhususkan amalan ibadah tertentu
 - > berlapang dada kerana isu khilafiyah
 - > bermanfaat untuk orang awam yang tidak tahu memilih amalan, tanpa panduan khusus mungkin akan tidak beramal apa-apa

- Jangan lepas pandang gambaran yang lebih besar kerana satu malam sahaja
 - gambaran besar = sebahagian dari persiapan untuk Ramadan
- Tidak syak, Ramadan lebih utama dari Nisfu Sya`ban
 - Islam anjurkan bersiap untuk hadapi Ramadan
 - > dari Rajab hingga Sya`ban dianjurkan mula peningkatan amal dan doa untuk hadapi Ramadan
 - > Nisfu Sya`ban adalah sebahagian dari rancangan besar ini, bukan terasing i.e. signpost penting

- Tidak sesuai, jika sibuk memakmurkan Nisfu Sya'ban, tapi tidak menyumbang pada persiapan Ramadan
 - lepas Nisfu Sya`ban, balik seperti biasa
 - pastinya tetap dapat pahala (in-sya'-Allah), tapi tidak menepati ruh dan gambaran besar yang dikehendaki
 - > dapat pahala Nisfu Sya`ban, tapi persiapan Ramadan masih biasa-biasa sahaja
 - bukan suruh tinggalkan memakmurkan Nisfu Sya'ban, tapi kaitkan dengan gambaran besar
 - > jadikan sebahagian dari persiapan Ramadan
 - > jadikan stesyen untuk refleksi persiapan Ramadan dan peningkatan amal di hari-hari seterusnya

Persiapan Ramadan

- Kenapa persiapan?
 - Ramadan bulan yang amat istimewa; setiap saat, menit dan hari
 - > perlu dimaksimumkan manfaatnya
 - Ramadan juga mencabar dan berat; fizikal, rohani, sumber dan masa
 - > tidak mudah melakukannya
 - Perlu persiapan dan perancangan = “warm up”
 - > untuk maksimumkan manfaat dan hadapi cabaran dengan baik
 - Ada anjuran Nabi s.a.w dan tradisi para ulama dan orang-orang soleh

- Keistimewaan Ramadan
 - digandakan pahala = sunat jadi wajib
 - > setiap saat di bulan Ramadan adalah “pahala multiplier”
 - keberkatan Tuhan = mudah beramal
 - > solat 8 atau 20 rakaat setiap malam
 - > puasa 30 hari berturut-turut
 - > baca Quran hingga khatam
 - > luar Ramadan susah nak capai, kenapa? Kerana berkat bulan Ramadan
 - Rugi kalau tidak manfaatkan sepenuhnya
- Islam anjurkan peningkatan amal
 - Ramadan tahun ini lebih baik dari yang lalu
 - hari selepas Ramadan lebih baik dari sebelumnya
- Bagaimana?

- 1) “Warm-up” sebelum Ramadan, bukan dalam Ramadan
 - supaya bila tiba Ramadan, terus boleh pick up = maksimumkan peluang
 - badan dah “conditioned” = tidak jejas kesihatan
 - > kalau sakit = rugi kerana hilang peluang ibadah
- 2) Muhasabah amal dan diri dahulu = “performance” dan “achievement”
 - kalau tidak tahu tahap amalan dan hakikat diri yang ada, macam mana hendak pertingkatkan?
 - > amal pada Ramadan lalu
 - > amal sebelum Ramadan
 - bukan hanya amalan, tapi juga karakter, nilai, hubungan kemanusiaan, dakwah dll
 - Islam anjurkan muhasabah diri selalu

- 3) Letakkan sasaran untuk dicapai
 - peningkatan diri
 - > nilai-nilai / sifat-sifat mahmudah = penyucian hati
 - > ubah sikap-sikap dan kebiasaan buruk
 - > gandakan sikap-sikap dan kebiasaan baik
 - > tingkat kemahiran yang ada, dapatkan kemahiran baru
 - > ilmu (keperluan dunia dan agama)
 - peningkatan ibadah segi kualiti dan kuantiti = perlu ilmu juga
 - > solat wajib (kualiti), solat sunat (kuantiti dan kualiti)
 - > puasa wajib (kualiti), puasa sunat (kualiti dan kuantiti)
 - > bacaan Quran (kualiti dan kuantiti)
 - > zikir (kualiti dan kuantiti)
 - > iktikaf
 - > belajar agama (kualiti dan kuantiti)
 - > sedekah / zakat (kualiti dan kuantiti)
 - hubungan kemanusiaan
 - > baiki dan tingkat hubungan suami/isteri, anak-anak, ibubapa, adik beradik dan kawan-kawan
 - sumbangan dakwah
 - > baiki dan tingkat sumbangan kepada masyarakat

- 4) Buat “check list”
 - biar serius untuk Tuhan dan dalam ibadah, bukan hanya untuk kerja dan dunia sahaja
 - pakat dengan kawan-kawan atau pasangan untuk pelaksanaan = supaya lebih kuat dan berkesan = ada “checking system”
 - > kalau harap diri sendiri sahaja, boleh “play cheat”
 - Terdapat banyak check list Ramadan di internet, boleh guna dengan ubahsuai
- 5) Dapatkan sokongan keluarga dan kawan-kawan
- 6) Doa dan mohon bantuan Tuhan agar diberi
 - istiqamah
 - kesihatan
 - ikhlas
 - diterima amalan

- Ingatlah!
 - “One who fails to plan, plans to fail”
 - Ibadah kita juga perlu perancangan yang teliti, bukan asal boleh sahaja
 - ibadah yang mudah sekali pun akan terlepas kerana tiada niat, azam dan perancangan dari awal
- Bahan bacaan, Pesan Ramadan, di <http://haniff.sg/pesan-ramadhan/pesan-ramadhan-pengenalan/>